
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HSM 319 – SEMINAR SEJARAH SOSIO EKONOMI MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. "Seperti juga kaum lain, orang Melayu adalah kaum yang berhijrah". Bahaskan dengan merujuk kepada perkembangan sejarah Malaysia sehingga 1957.
2. Bincangkan persamaan dan perbezaan corak atau sistem pengambilan buruh imigran Cina dan India ke Negeri-Negeri Melayu.
3. "Kewujudan masalah sosial dalam kalangan buruh imigran Cina dan India seperti perjudian, pelacuran, ketagihan cандu dan minuman keras adalah akibat dasar-dasar ekonomi pihak kolonial". Bincangkan.
4. "Majikan di ladang selalu menganggap bahawa buruh wanita kurang efisyen, kurang produktif dan lebih mahal untuk diambil". Dengan merujuk kepada buruh wanita India di sektor perladangan getah bincangkan kenyataan tersebut.
5. "Kemelesetan ekonomi 1929-1934 telah merancakkan pergerakan buruh imigran Cina di Tanah Melayu". Bincangkan.
6. "Kemunculan kesatuan sekerja radikal dan bercorak militan di Tanah Melayu dipengaruhi oleh kesan-kesan Pendudukan Jepun (1942-1945)". Sejauh manakah pernyataan ini benar?
7. Mengapa corak pergerakan buruh yang dianjurkan pada zaman Darurat di Tanah Melayu adalah bersifat pasif dan tertakluk kepada kehendak kerajaan.
8. "Memang benar bahawa dasar-dasar ekonomi pentadbir British telah membawa kemajuan ekonomi. Namun, tidak dapat dinafikan juga bahawa dasar-dasar itu telah membawa kesan-kesan sosial yang negatif". Bincangkan.